

AHMAD SYAUQI AMAR PLV BERBAKAT BESAR

Oleh : Nurul Aida Othman

Apabila bercakap soal menghadiri majlis formal pasti ramai yang menolak dan memilih untuk berada di rumah menonton rancangan televisyen kegemaran. Ini kerana majlis rasmi selalu dikaitkan dengan suasana yang hambar dan membosankan. Namun ini tidak terjadi di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kerana UniMAP mempunyai sesuatu yang mampu menukarkan suasana hambar dan membosankan ini kepada suasana riang dan ceria.

Walaupun UniMAP sebuah universiti yang berteraskan bidang kejuruteraan namun ia telah melahirkan bakal-bakat besar dalam pelbagai lapangan seperti kesukanan, kebudayaan, pidato, pengurusan acara dan banyak lagi.

Ini termasuklah juga dalam mencungkil bakat sebagai pengacara. Malah pengacara yang namanya semakin meningkat naik ini juga adalah hasil dari pendedahan yang diperolehinya semasa masih lagi menjadi pelajar di Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Pembuatan sebelum jawat jawatan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) di UniMAP pada tahun 2012.

Masih lagi bujang, anak kepada pasangan Muhammad Embong (73 tahun) dan Fatimah Salleh (67 tahun) ini berpegang pada prinsip "buat apa yang disukai", sudah menjadi pengacara majlis kenamaan dalam dan luar sejak 7 tahun lalu walaupun ketika masih bergelar mahasiswa UniMAP.

Beliau yang berperwatakan ceria dan petah dalam menyusun kata mampu menukarkan suasana hambar menjadi riang dan gembira. Sesiapa jua boleh mendengar celoteh beliau untuk jangka waktu yang lama. Itulah kekuatan vokal dimiliki oleh pemilik nama Ahmad Syauqi Amar Muhammad - juruacara majlis yang dihormati dan disegani bukan sahaja di UniMAP malah namanya kini semakin meniti dibibir-bibir tetamu kehormat yang berpeluang mendengar celoteh beliau.

Bukan sahaja meminati dunia pengacaraan, anak keempat dari lapan adik beradik ini juga sangat meminati sukan lasak yang mencabar kekuatan fizikal dan mental. Beliau kini aktif dalam perlumbaan Spartan dan berada dalam Perlis Spartan Team yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro Canselor UniMAP.

Sejak aktif dalam Spartan Race, anak kelahiran Kuala Terengganu ini sudah mengikuti lima perlumbaan Spartan sejak dari 2016. Antaranya adalah Spartan Race Sprint Putrajaya 2016; Spartan Race Super Putrajaya 2017; Spartan Race Beast Iskandar Puteri 2017; Spartan Race Sprint Singapore 2018; dan Spartan Race Super Putrajaya 2018. Malah beliau bakal menyertai Spartan Race Beast 2018 di Iskandar Puteri Johor pada Disember 2018 nanti.

Tidak mengidolakan hanya seorang ikon, beliau mempunyai idola bagi setiap bidang yang diceburi kerana katanya, "insan disekeliling saya ialah guru saya untuk lebih maju dalam bidang tersebut," dan beliau menyenaraikan beberapa nama besar seperti A) Koordinasi dan Pengurusan Program - Brig. Jeneral Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin. B) Pengacaraan - Dato' Aznil Haji Nawawi. C) Kebajikan, Minat dan Hobi : DYTM Raja Puan Muda Perlis.

Ketika ditanya mengenai kenangan terindah di UniMAP, beliau menyifatkan peluang untuk mengacarakan Hari Malaysia di Abu Dhabi adalah sesuatu yang tidak mungkin dilupakan.

Malah beliau bersyukur kerana berpeluang menjadi penyampai radio kampus iaitu UniMAPfm di mana beliau yakin mampu menyumbangkan sesuatu kepada orang lain melalui celotehnya.

